

NOTA AMALAN NO. 4/2018

PINDAAN SUBSEKSYEN 60AA (10B) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BERHUBUNG DENGAN PERBELANJAAN PENGURUSAN BAGI MAKSUD MENENTUKAN PENDAPATAN LARASAN DANA PEMEGANG SAHAM

- 1.0 Nota ini dikeluarkan bagi memberi panduan berkenaan pemakaian pindaan subseksyen 60AA(10B), Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta ini) dalam Bajet 2018 berkaitan penentuan perbelanjaan pengurusan yang layak bagi maksud subsubperenggan 60AA(9)(b)(iii)(B) atau (C) dan subsubperenggan 60AA(10)(b)(iii)(B) atau (C).
- 2.0 Pindaan ini adalah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018.
- 3.0 Dengan pindaan ini, sekiranya pengendali takaful melakukan perbelanjaan pengurusan yang boleh dikaitkan dengan apa-apa fi boleh terima di bawah subperenggan 60AA(9)(a)(iii) atau 60AA(10)(a)(iii), maka perbelanjaan pengurusan tersebut boleh dibenarkan potongan terhadap penerimaan kasar apa-apa fi boleh terima yang merujuk kepada subperenggan 60AA(9)(a)(iii) atau 60AA(10)(a)(iii).
- 4.0 Perbelanjaan pengurusan yang layak dibenarkan potongan ditentukan berdasarkan formula berikut -

A x C

B

di mana:

- A Jumlah pendapatan kasar bagi tempoh tersebut yang merujuk kepada subperenggan 60AA(9)(a)(iii) atau 60AA(10)(a)(iii) selain daripada pendapatan kasar fi wakalah;
- B Jumlah pendapatan kasar bagi tempoh tersebut yang merujuk kepada subperenggan 60AA(9)(a)(iii) atau 60AA(10)(a)(iii) selain daripada pendapatan kasar fi wakalah bagi komisen; dan
- C Jumlah perbelanjaan pengurusan yang dilakukan berkaitan di bawah subperenggan 60AA(9)(b)(iii) atau 60AA(10)(b)(iii)

- 4.1 Maksud A berkaitan dengan formula :

Bagi maksud subperenggan 60AA(9)(a)(iii) atau 60AA(10)(a)(iii), A ialah apa – apa fi boleh terima termasuk apa – apa fi selain daripada pendapatan kasar fi wakalah dan selain lebihan aktuari yang diagihkan daripada dana

takaful keluarga (subperenggan 60AA(9)(a)(vi) atau subperenggan 60AA(10)(a)(vi)).

4.2 Maksud B berkaitan dengan formula :

Jumlah ini adalah termasuk pendapatan kasar fi wakalah berhubung dana takaful keluarga selain daripada pendapatan kasar fi wakalah bagi komisen dan selain lebihan aktuari yang diagihkan daripada dana takaful keluarga (subperenggan 60AA(9)(a)(vi) atau subperenggan 60AA(10)(a)(vi)).

4.3 Maksud C berkaitan dengan formula :

Jumlah ini adalah jumlah perbelanjaan kasar mengurus yang dilakukan bagi maksud subperenggan 60AA(9)(b)(iii) atau 60AA(10)(b)(iii).

5.0 Berikut adalah contoh pengiraan bagi pemakaian formula di bawah subseksyen 60AA(10B) Akta ini.

Takaful Damai Berhad adalah pengendali takaful yang menjalankan perniagaan takaful komposit. Berikut adalah cabutan daripada Penyata Pendapatan bagi pengendali takaful:

	Dana Takaful Keluarga (FTF)	Dana Takaful Am (GTF)	Dana Pemegang Saham (SHF)
Sumbangan Kasar	3,000,000	5,000,000	-
Fi Wakalah			895,000 ¹
Fi Prestasi dana pelaburan daripada FTF			100,000 ²
Fi Prestasi daripada GTF			202,500 ³
Tolak :			
Perbelanjaan Fi	(450,000) ⁴	(747,500) ⁵	-
Perbelanjaan Pengurusan	-	-	(797,500) ⁶
Jumlah Keuntungan Tahunan	2,550,000	4,252,500	400,000

$$\# 895,000^1 = 350,000^{1A} + 545,000^{1B}$$

Nota kepada cabutan Penyata Pendapatan :

Dana Takaful Keluarga (Family Takaful Fund - FTF)

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Pendapatan Fi Wakalah :		
Pendapatan mengurus	300,000	
Pendapatan komisyen ^(a)	50,000	350,000 ^{1A}
Fi Prestasi dana pelaburan daripada FTF		100,000 ²
		<u>450,000⁴</u>
		<u><u>450,000⁴</u></u>

Dana Takaful Am (General Takaful Fund - GTF)

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Pendapatan Fi Wakalah :		
Pendapatan mengurus	397,500	
Pendapatan komisyen ^(a)	147,500	545,000 ^{1B}
Fi Prestasi daripada GTF		202,500 ³
		<u>747,500⁵</u>
		<u><u>747,500⁵</u></u>

Dana Pemegang Saham (Shareholders' Fund - SHF)

	<u>FTF</u>	<u>GTF</u>	<u>Jumlah</u>
	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Perbelanjaan komisyen ^(a)	50,000	147,500	197,500
Perbelanjaan pengurusan ^(b)	200,000	400,000	600,000
	<u>250,000</u>	<u>547,500</u>	<u>797,500⁶</u>

**Layanan Cukai Semasa
Pengiraan Cukai**

	Dana Takaful Keluarga (FTF)	Dana Takaful Am (GTF)	Dana Pemegang Saham (SHF)
Sumbangan Kasar (bersih daripada fi wakalah)	-	4,455,000	-
Fi Wakalah			545,000 ^{1B}
Fi Prestasi dana pelaburan daripada FTF			100,000 ²
Fi Prestasi daripada GTF			202,500 ³
			847,500
Tolak :			
Perbelanjaan Fi	-	(202,500) ³	-
Perbelanjaan Pengurusan	-	-	(400,000) ^(b)
			(147,500) ^(a)
Jumlah Keuntungan Tahunan	-	4,252,500	300,000

**Layanan Cukai Selepas Pindaan
Pengiraan Cukai**

	Dana Takaful Keluarga (FTF)	Dana Takaful Am (GTF)	Dana Pemegang Saham (SHF)
Sumbangan Kasar (bersih daripada fi wakalah)	-	4,455,000	-
Fi Wakalah			545,000 ^{1B}
Fi Prestasi dana pelaburan daripada FTF			100,000 ²
Fi Prestasi daripada GTF			202,500 ³
			847,500
Tolak :			
Perbelanjaan Fi	-	(202,500) ³	-
Perbelanjaan Pengurusan	-	-	(450,000) ⁷
			(147,500) ^(a)
Jumlah Keuntungan Tahunan	-	4,252,500	250,000

Pengiraan perbelanjaan pengurusan yang layak :

	<u>RM</u>
(i) Perbelanjaan pengurusan fi wakalah GTF (60AA(b)(iii)(A)) RM400,000 – RM131,500 ^{Nota (3)}	268,500
(ii) Perbelanjaan pengurusan fi boleh terima GTF dan FTF (60AA(b)(iii)(B) / (C))	
	<u>A</u> x <u>C</u> <u>B</u>
Jumlah pendapatan kasar bagi tempoh tersebut yang merujuk kepada subperenggan 60AA(9)(a)(iii) atau 60AA(10)(a)(iii) selain daripada pendapatan kasar fi wakalah	Jumlah perbelanjaan pengurusan yang dilakukan berkaitan di bawah subperenggan 60AA(9)(b)(iii) atau 60AA(10)(b)(iii)
_____ x _____	
Jumlah pendapatan kasar bagi tempoh tersebut yang merujuk kepada subperenggan 60AA(9)(a)(iii) atau 60AA(10)(a)(iii) selain daripada pendapatan kasar fi wakalah bagi komisen	
	x
(847,500 – 545,500 ^{1B})	
= _____ x 600,000	
[(847,500 -147,500 ^(a)) + 300,000 ^{Nota (1)}]	
	x
302,500	
= _____ x 600,000	
1,000,000	
	181,500 ^(c)
= <u>181,500</u>	
Jumlah perbelanjaan pengurusan yang layak di bawah 60AA(b)(iii)	<u>450,000⁷</u>

Nota :

- (1) Bagi maksud formula pengiraan - B adalah termasuk fi wakalah berhubung dana takaful keluarga yang dikecualikan cukai.
- (2) Perbelanjaan pengurusan berkaitan dengan apa-apa fi bolehterima berhubung dana pelaburan dari dana takaful keluarga :

$$\begin{aligned} & \frac{100,000^2}{(450,000^4 - 50,000^{(a)})} \times 200,000^{(b)} \\ & = 50,000^{(d)} \end{aligned}$$

- (3) Perbelanjaan pengurusan yang berkaitan dengan apa-apa fi bolehterima berhubung dana takaful am :

$$\text{RM}131,500 = \text{RM}181,500^{(c)} - \text{RM}50,000^{(d)} / \text{Nota (2)}$$

6.0 Dalam keadaan di mana syarikat menjalankan perniagaan takaful keluarga dan takaful am secara berasingan, pengiraan seperti berikut boleh diterima:

- (i) Fakta adalah sama seperti di perenggan 5.0 kecuali syarikat menjalankan perniagaan takaful keluarga sahaja.

Pengiraan perbelanjaan pengurusan yang layak berkaitan fi boleh terima daripada dana takaful keluarga (FTF):

$$\begin{aligned} & \frac{100,000^2}{(450,000^4 - 50,000^{(a)})} \times 200,000^{(b)} = 50,000^{(d)} \end{aligned}$$

Jumlah perbelanjaan pengurusan yang layak berkaitan fi bolehterima bagi dana takaful keluarga ialah RM50,000 sahaja.

(ii) Fakta adalah sama seperti di perenggan 5.0 kecuali syarikat menjalankan perniagaan takaful am sahaja.

Pengiraan perbelanjaan pengurusan yang layak berkaitan fi boleh terima daripada dana takaful am (GTF):

$$\begin{array}{rcl} \frac{202,500^{(3)}}{(747,500^5 - 147,500^{(a)})} & \times & 400,000^{(b)} \\ & = & \underline{\underline{135,000^*}} \end{array}$$

Pengiraan perbelanjaan pengurusan yang layak berkaitan fi wakalah daripada dana takaful am (GTF):

$$400,000^{(b)} - 135,000^* = \underline{\underline{265,000}}$$

Jumlah perbelanjaan pengurusan yang layak keseluruhan:

	<u>RM</u>
Perbelanjaan pengurusan fi boleh terima	135,000
Perbelanjaan pengurusan fi wakalah	265,000
	<u><u>400,000</u></u>

Jumlah perbelanjaan pengurusan layak bagi fi boleh terima dan fi wakalah tidak boleh melebihi jumlah perbelanjaan pengurusan berkaitan dengan dana takaful am (GTF) iaitu RM400,000^(b).

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN: 23 OKTOBER 2018